

Ringkasan Penyata-penyata Berkanun

Summary of Statutory Returns

Catatan Am: **General Note:**

1. Siri jadual berikut mengandungi petikan daripada penyata-penyata berkanun tahunan yang dikemukakan oleh penanggung insurans menurut seksyen 85 dan 87 Akta Insurans 1996 (Akta). Angka-angka yang telah diaudit adalah bagi tahun kewangan terakhir yang diperolehi bagi perniagaan dalam Malaysia.

The following series of tables contain abstracts from the annual statutory returns submitted by insurers under sections 85 and 87 of the Insurance Act 1996 (Act). The audited figures are for the last available financial year end for business within Malaysia.

2. GIO Insurance Limited telah menukar tarikh akhir tahun kewangannya. Angka-angka yang dilaporkan adalah untuk jangka masa enam bulan.

GIO Insurance Limited changed its financial year end during the year. The figures reported are for a period of six months.

3. Lesen insurans komposit bagi Prudential Assurance Malaysia Berhad dan John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad telah dibatalkan pada bulan Disember 1997 dan lesen insurans hayat telah dikeluarkan kepada kedua-dua penanggung insurans ini. Angka-angka bagi kedua-dua penanggung insurans ini, sebagaimana yang dilaporkan dalam jadual di bawah perniagaan insurans am adalah bagi perniagaan insurans am yang sedang dilunaskan.

The composite insurance licences of Prudential Assurance Malaysia Berhad and John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad were revoked in December 1997 and the two insurers were issued with life insurance licences. The figures for the two insurers as reported in the tables under general business are in respect of their general business which they are running off.

4. Angka-angka bagi Paramount Assurance Berhad, Commercial Union (Malaysia) Bhd. dan Sun Alliance Insurance (M) Bhd. masing-masing meliputi 11 bulan, 10 bulan dan lapan bulan sepanjang tahun di bawah kajian. Mereka kemudiannya telah bergabung dengan penanggung insurans lain. Angka-angka untuk Sime AXA Assurance Berhad dilaporkan untuk jangka masa sembilan bulan memandangkan syarikat telah menukar tarikh akhir tahun kewangan dan kemudiannya telah bergabung dengan penanggung insurans lain.

Figures for Paramount Assurance Berhad, Commercial Union (Malaysia) Bhd. and Sun Alliance Insurance (M) Bhd. cover 11 months, 10 months and eight months respectively during the year under review. They were subsequently merged with other insurers. Figures for Sime AXA Assurance Berhad are reported for a period of nine months as the company changed its financial year end and then merged with another insurer.

5. Untuk penanggung insurans semula hayat profesional, angka-angka yang ditunjukkan dalam kolom 'Insurans Lain' bagi jadual-jadual L.4, L.4G, L6 dan L.6G adalah merujuk kepada perniagaan yang diurusniaga berdasarkan kepada premium risiko.

In the case of professional life reinsurers, figures shown in the column 'Other Insurance' of tables L.4, L.4G, L6 and L.6G refer to business written on risk premium basis.

6. Jumlah individu tidak semestinya bersamaan dengan jumlah keseluruhan disebabkan oleh pembundaran angka.

Individual totals do not necessarily add up to the overall total due to rounding.